



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 24 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MAFI TAMBAH RM62 JUTA UNTUK INSENTIF RACUN KEPADA PESAWAH, BERNAMA-ONLINE RM62 JUTA BANTU PESAWAH ATASI KENAIKAN HARGA RACUN, BH-ONLINE TAMBAHAN 62 JUTA SUBSIDI RACUN UNTUK PESAWAH, NASIONAL, SH-29 TAMBAHAN RM62J UNTUK PESAWAH, NASIONAL, BH-2 RM62 JUTA BANTU PESAWAH ATASI KENAIKAN HARGA RACUN, NEGARA, KOSMO-3 MINISTRY INCREASES PESTICIDE INCENTIVE FOR FARMERS, SUNBIZ, THE SUN-11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MAFI
7. 8. 9. 10.	IMPORT AYAM LAGI MAHAL, MUKA HADAPAN, BH-1 MALAYSIA PERLU LEBIH 60 JUTA AYAM SEBULAN, NASIONAL, BH-3 32 SYARIKAT DIBERI KELULUSAN IMPORT BEKALAN, NASIONAL, BH-3 PERLIS BERPOTENSI PUSAT TERNAKAN LEMBU HIBRID, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	11 PENYU MATI DALAM SEBULAN DI TERENGGANU, NASIONAL, SH-13 PENYU AGAR DITEMUI MATI TERTELAN PLASTIK,LOKAL,HM-17 GREEN TURTLE CARCASS FOUND ON BEACH, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-4 10th DEAD GREEN TURTLE OFF PULAU KAPAS THIS MONTH, NEWS IN BRIEF, NEW STRAITS TIME, NST-10 SEEKOR LAGI PENYU MATI DITEMUI DI PANTAI KELULUT, NASIONAL,BH-16 LATEST GREEN TURTLE DEATH BRINGS TOLL TO 11, NATION,THE STAR-8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
17. 18. 19.	17. ANAK MUDA HASILKAN PES MAKANAN SENDIRI, TRDI.MY-ONLINE 18. EXCO PANTAU PENERIMA BANTUAN PERTANIAN, KELANTAN, HARAKAH-11 19. TERPAKSA PINJAM DUIT, GADAI EMAS, NEGARA, KOSMO-3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2022	BERNAMA	ONLINE	-

MAFI TAMBAH RM62 JUTA UNTUK INSENTIF RACUN KEPADA PESAWAH



PASIR PUTEH, 23 Jan -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah memperuntukkan sejumlah RM62 juta untuk insentif racun kepada pesawah tahun ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata peruntukan itu merupakan tambahan RM100 kepada insentif RM200 yang diterima pesawah sebelum ini sekali gus memanfaatkan lebih 300,000 pesawah.

"Petani yang dahulu diberi RM200 untuk satu hektar sebagai insentif, sekarang ini ditambah RM100 lagi menjadi RM300 untuk satu hektar.

"Industri padi dan beras memang dijaga oleh kerajaan, dari segi insentif yang diberi kerajaan tidak dikurangkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Logo Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Ladang Merdeka Jelor di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas keluhan petani khususnya pesawah yang mendakwa kenaikan harga racun memberi tekanan kepada mereka yang akan memulakan musim tanaman padi tahun ini.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang (tiga, kanan) bersama Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Datuk Kamarudin Md Nor (dua, kanan) serta Pengurus Besar Pembangunan KADA Nik Roslan Idris (kiri), melawat pameran selepas Majlis Pelancaran Logo Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang baharu di Ladang Merdeka Jelor hari ini.

Pada majlis tersebut Ronald turut menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KADA dengan Syarikat Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) bagi pelaksanaan Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang merupakan satu daripada program peningkatan hasil padi negara di ladang berkenaan.

Mengulas mengenai Projek SMART SBB, Ronald berkata projek tersebut merupakan kerjasama pintar awam dan swasta untuk membangunkan kawasan penanaman padi secara berperingkat di Semenanjung.

“Pendekatan ini adalah sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri.

“Jalinan kerjasama pintar dan strategik awam dan swasta ini telah bermula sejak Februari tahun lepas dan setakat ini terdapat penyertaan 18 syarikat peneraju yang telah menandatangani MOU dengan kerajaan menyasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar,” katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	-

RM62 JUTA BANTU PESAWAH ATASI KENAIKAN HARGA RACUN

HAZELEN LIANA KAMARUDIN | | 23 Januari 2022



Ronald (tiga dari kiri) merasmikan Majlis Pelancaran Logo Sambutan 50 tahun KADA 1972-2022 di Ladang Merdeka, Jelor, Pasir Puteh pada Ahad.

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menambah peruntukan sebanyak RM62 juta untuk subsidi racun kepada para pesawah bagi menampung kenaikan harga barangan itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, bantuan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) itu mampu memanfaatkan lebih 300,000 pesawah yang mengusahakan tanaman di atas tanah berkeluasan 620,000 hektar di seluruh negara.

"Peruntukan ini adalah tambahan RM100 kepada bantuan subsidi racun RM200 yang diberikan kepada para pesawah sebelum ini.

"Kita naikkan daripada RM200 kepada RM300 sehektar untuk pembelian racun," katanya ketika ditemui semasa merasmikan Majlis Pelancaran Logo Sambutan 50 tahun Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) 1972- 2022 di Ladang Merdeka, Jelor di sini pada Ahad.

Hadir sama Timbalan MAFI II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Ronald turut menyaksikan Majlis Tandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara KADA dan Syarikat Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) dan MoU KADA bersama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) bagi membangunkan Projek Perintis Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di Pasir Puteh dan Pasir Mas.

Menurutnya, MAFI sentiasa mencari jalan untuk membantu pesawah walaupun berlaku kenaikan mendadak harga racun ketika ini.

Beliau berkata, bantuan itu merupakan salah satu usaha menambah pengeluaran hasil yang diusahakan oleh para pesawah.

Ronald berkata, selain itu bantuan subsidi baja masih diteruskan oleh kerajaan bagi membantu meringankan beban para pesawah.

"Melalui program Smart SBB, MAFI berhasrat meningkatkan pengeluaran hasil padi dan beras pada masa hadapan sekitar tujuh hingga lapan metrik tan sehektar," katanya.

Menurutnya, MAFI optimis sasaran itu mampu dicapai menerusi teknologi moden yang ada ketika ini.

Katanya, selain itu ia turut dipacu oleh pengurusan yang efisien termasuk kerjasama pintar antara agensi kerajaan dengan pihak swasta.

Tambahan RM62 juta subsidi racun

Bantu lebih 300,000
pesawah atasi
kenaikan harga racun

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Kementerian dan Industri Makanan (MAFI) menambah peruntukan sebanyak RM62 juta untuk subsidi racun kepada pesawah bagi menampung kenaikan harga barangan itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, bantuan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) itu mampu memanfaatkan lebih 300,000 pesawah yang mengusahakan tanaman di atas tanah berkeluasan 620,000 hektar di seluruh negara.

“Peruntukan ini adalah tambahan RM100 kepada bantuan subsidi racun RM200 yang diberikan kepada pesawah



Ronald (tiga dari kiri) merasmikan Majlis Pelancaran Logo Sambutan 50 Tahun KADA 1972-2022 di Jajang Merdeka, Jelojor pada Ahad.

sebelum ini.

“Kita naikkan daripada RM200 kepada RM300 sehektar untuk pembelian racun,” katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Logo Sambutan 50 Tahun Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) 1972-2022 di Ladang Merdeka, Jelojor pada Ahad.

Hadir sama Timbalan Menteri MAFI II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang

Kawasan (PPK); Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Ronald turut menyaksikan Majlis Tandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara KADA dan Syarikat Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) dan MoU KADA bersama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) bagi membangunkan Projek Perintis Smart

Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di Pasir Puteh dan Pasir Mas.

Menurutnya, MAFI sentiasa mencari jalan untuk membantu pesawah walaupun berlakunya kenaikan mendadak harga racun ketika ini.

Beliau berkata, bantuan itu merupakan satu usaha menambah pengeluaran hasil yang diusahakan oleh pesawah.

Ronald berkata, selain itu, bantuan subsidi baja masih diteruskan oleh kerajaan bagi membantu meringankan beban pesawah.

“Melalui program Smart SBB, MAFI berhasrat meningkatkan pengeluaran hasil padi dan beras pada masa hadapan sekitar tujuh hingga lapan metrik tan sehektar,” katanya.

Ronald berkata, MAFI optimis sasaran itu mampu dicapai menerusi teknologi moden yang ada ketika ini.

Katanya, selain itu ia turut dipacu oleh pengurusan yang efisien termasuk kerjasama pintar antara agensi kerajaan dengan pihak swasta.

24/1/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

2

Tambahan RM62j untuk pesawah

Pasir Puteh: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MA-FT) menyalurkan peruntukan tambahan RM62 juta kepada pesawah yang terjejas akibat kenaikan harga racun bagi memulakan tanaman musim 1/2022.

Menterinya, Datuk Dr Seri Dr Ronald Kiandee, berkata peruntukan tambahan itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 300,000 pesawah yang menggunakan 620,000 hektar kawasan penanaman.

Katanya, peruntukan tambahan sebanyak RM100 kepada bantuan subsidi racun sebanyak RM200 yang diterima pesawah sebelum ini, manakala subsidi baja diteruskan.

"Pihak Kementerian sentiasa mencari jalan untuk membantu pesawah dan petani walaupun berlaku kenaikan mendadak harga

racun di pasaran dunia," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Logo Sambutan 50 tahun Lembaga Kemajuan Pertanian Kebumu (KADA) 1972-2022 di Ladang Merdeka, Jelor; di sini semalam.

Ronald berkata, kenaikan harga racun dan baja mungkin menjiskan sektor pertanian lain, namun bagi pesawah, mereka sentiasa dijaga kerajaan yang memberikan pelbagai inisiatif seperti Skim Inisiatif Pengeluaran Padi (SI-PP) dan subsidi baja.

Katanya, selain menjaga kebajikan pesawah dari sudut kos pengurusan, kementerian juga sentiasa mencari jalan meningkatkan pengeluaran hasil padi negara, antaranya menerusi Projek Perintis Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

"Sekian lama kita bagi subsidi baja dan racun, bantuan itu kita

kekalkan. Menerusi SMART SBB pula, kita tingkatkan pengeluaran padi dan beras. Jika sekurang mampu hasilkan empat tan setiap hektar, kita sasar mampu keluarkan tujuh hingga lapan tan setiap hektar," katanya.

Katanya, peningkatan hasil padi mampu dijayakan dengan aplikasi teknologi dan pengurusan yang efisien, termasuk kerjasama pintar agensi dan pihak swasta.

Bagi kawasan Pasir Puteh, seluas 34 hektar ladang Merdeka Jelor; selain 100 hektar di Bumut Susu, Pasir Mas akan dilaksanakan program SMART SBB bersama BERNAS dengan kos anggaran RM10 juta bagi tempoh 15 tahun, merangkumi pembiayaan infrastruktur dan pengaliran serta penyuburan tanah bagi projek sulung SMART SBB di Kelantan itu.

RM62 juta bantu pesawah atasi kenaikan harga racun



ROMALD (dua dari kanan) pada Majlis Pelancaran Logo Sambutan 50 tahun KADA di Jelor, semalam.

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM62 juta kepada pesawah yang terjejas akibat kenaikan harga racun bagi memulakan tanaman padi musim pertama tahun ini.

Menterinya, Datuk Dr. Seri Ronald Khandee berkata, peruntukan tambahan itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 300,000 pesawah yang mengusahakan kira-kira 620,000 hektar kawasan padi di negara ini.

Menurutnya, bantuan kerajaan itu merupakan tambahan sebanyak RM100 kepada bantuan subsidi racun RM200 yang telah diterima pesawah sebelum ini.

"MAFI memberi peruntukan

tambahan menjadikannya kepada RM300 untuk sehektar padi yang diusahakan banya untuk pembelian racun sahaja kerana subsidi baja untuk tanaman itu masih lagi diteruskan.

"Pihak Kementerian juga sentiasa mencari kaedah memban-tu pesawah meskipun berlaku kenaikan mendadak harga input pertanian di pasaran global," katanya selepas Majlis Pelancaran Logo Sambutan 50 tahun Lembaga Kemajuan Pertanian Melayu (KADA) 1972-2022 di Ladang Merdeka, Jelor di sini se-malam.

Mengulas lanjut, menurut Romald, peningkatan harga racun dan baja mungkin menjejaskan sektor pertanian lain bagaimana-

pun nasib pesawah terbelah dengan pelbagai inisiatif seperti Skim Inisiatif Pengeluaran Padi (SIPP) dan subsidi baja.

Katanya, selain menjaga kebajikan pesawah dari sudut kos pengurusan, Kementerian juga sentiasa mencari jalan meningkatkan pengeluaran hasil padi negara, antaranya menerusi Projek Perintis Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

"Sekian lama kita bagi subsidi baja dan racun, bantuan itu kita kekalkan. Menerusi SMART SBB pula, kita tingkatkan pengeluaran padi dan beras. Jika sekurang-nya mampu hasilkan empat tan setiap hektar, kita sasar mampu keluaran tujuh hingga lapan tan setiap hektar," katanya.

Ministry increases pesticide incentive for farmers

PASIR PUTEH: The Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) has allocated a total of RM62 million for the pesticide incentive to padi farmers this year, said its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the allocation means farmers who were previously given RM200 per hectare as incentive are now getting an additional RM100, making it a total of RM300 and benefiting more than 300,000 farmers.

"The padi and rice industry is overseen by the government, in terms of the incentives given which have not been reduced."

He said this at a press conference after launching the logo of the 50th Golden Jubilee celebration of the Kemubu Agriculture Development Authority (Kada) at Ladang Merdeka Jelor here yesterday.

Ronald was asked to comment on the



Ronald (third from right) visiting the exhibition held in conjunction with Kada's 50th Golden Jubilee celebration. - **BERNAMAPIX**

complaints from farmers, especially padi planters who claimed that the increase in pesticide prices has put pressure on those starting the padi-planting season this year.

At the ceremony, Ronald also witnessed

the signing of a memorandum of understanding (MoU) between Kada and Padi Beras Nasional Bhd for the implementation of the Smart Large-Scale Paddy Project (Smart SBB), which is one of the national padi yield improvement programmes.

Smart SBB, Ronald said, is a smart collaboration between the public and private sectors to develop padi cultivation areas in stages in the peninsula.

"This approach is as agreed upon at the National Food Security Cabinet Committee Meeting that was chaired by the prime minister himself.

"This smart and strategic public-private partnership started in February last year and so far, there are 18 leading companies that have signed an MoU with the government, targeting 300,000 hectares of paddy cultivation," he added. - Bernama

24/1/2022

BERITA
HARIANMUKA
HADAPAN

1

Import ayam lagi mahal

Oleh **Suzalina Halid**
dan **Fahmy A Rosli**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia terpaksa mencari negara sumber baharu bagi mengimport bekalan ayam disebabkan bekalan terhad dan harga tinggi yang ditawarkan oleh negara sumber sedia ada.

Sehingga kini, Malaysia belum boleh membawa masuk ayam bulat import seperti diputus-

kan kerajaan bulan lalu untuk menangani isu kenaikan secara mendadak harga ayam tempatan, berikutan harga yang ditawarkan negara sumber iaitu Thailand adalah tinggi.

Difahamkan, bagi sekilogram ayam bulat dari Thailand, harga yang ditetapkan adalah kira-kira RM8.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata disebabkan



Disebabkan harga tinggi ditawarkan Thailand, perancangan negara untuk membawa masuk ayam bulat import sejak Disember lalu tidak kesampaian



Dr Norlizan Mohd Noor,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

harga tinggi ditawarkan Thailand, perancangan negara untuk membawa masuk ayam bulat import sejak Disember lalu tidak kesampaian.

Beliau berkata, bagi mengatasi isu itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah mencadangkan kepada kerajaan supaya Malaysia mengimport dari negara sumber lain iaitu Brazil dan Denmark.

Malaysia perlu lebih 60 juta ayam sebulan

Turun, naik bekalan tak jejas permintaan pasaran tempatan

Oleh Suzalina Halid dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negara memerlukan lebih 60 juta ekor ayam pedaging setiap sebulan, kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor.

Beliau berkata, Malaysia antara negara pengguna daging ayam tertinggi dunia dan pihaknya perlu memastikan sekurang-sekurangnya dua juta ekor ayam sehari untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Bagaimanapun, katanya, pengeluaran ayam di negara ini tidak menentu dan berubah setiap bulan disebabkan beberapa faktor seperti jumlah bekalan anak ayam sehari, cuaca serta penawaran dan permintaan sumber protein itu.



Ayam segar dijual RM9 sekilogram di Pasar Chow Kit, Jalan Raja Bot, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Azhar Ramli/BH)

"Kalau kita lihat keperluan ayam di Malaysia dalam 62 juta ekor sebulan. Pengeluaran ayam memang turun naik setiap bulan mengikut bekalan anak ayam sehari, cuaca serta permintaan dan penawaran.

"Tetapi turun naiknya bekalan ayam dari semasa ke semasa tidaklah melangkaui had keperluan rakyat Malaysia.

"Kalau diikutkan kita perlu-

kan sekurang-kurangnya dua juta ekor ayam sehari untuk rakyat Malaysia. Banyak.

"Kita antara pengguna ayam tertinggi. Kalau kita kira berdasarkan perkapita, lebih kurang seorang (penduduk) makan 50 kilogram ayam setahun.

"Jadi kita kena ada dan keluaran sekurang-kurangnya dua juta ekor ayam. Kalau berlaku kekurangan (bekalan ayam) kena

cari alternatif lain (termasuk import)," katanya kepada BH.

Ditanya mengapa kerajaan memutuskan untuk mengimport bekalan ayam bulat dari Thailand dan China, Dr Norlizan menjelaskan ia disebabkan berlaku kekurangan sumber protein berkenaan sejak Oktober dan November tahun lalu.

Pada tempoh dua bulan itu, katanya, berlaku penurunan beka-

Pengeluaran Ayam Tahun 2021

Bulan	Jumlah pengeluaran (ekor)
Januari	65,129,261
Februari	68,532,183
Mac	60,531,815
April	76,166,607
Mei	62,044,619
Jun	62,382,124
Julai	76,994,699
Ogos	57,129,324
September	67,033,787
Oktober	32,052,579
November	51,439,196
Disember (seharian)	61,189,888
JUMLAH	753,620,083

lan ayam tempatan sehingga di bawah had pengeluaran.

"Maknanya penawaran lebih rendah daripada permintaan sehingga (bekalan) kurang daripada 62 juta ekor. Kalau kita lihat carta pengeluaran ayam tahun lalu, pada Oktober, November dan Disember ia (bekalan) jatuh bawah 62 juta ekor.

"Secara purata kalau buat pengiraan penawaran dan permintaan, kita ada kekurangan 10,000 tan sebulan.

"Berdasarkan jumlah inilah yang kita sudah memberikan kelulusan untuk mengimport ayam bulat.

"Satu bertujuan untuk meningkatkan atau melambatkan bekalan ayam bulat di pasaran tempatan termasuk di pasar borong, pasar basah dan kedai runcit. Keduanya, ia dapat menstabilkan harga," katanya.

32 syarikat diberi kelulusan import bekalan

Dari Muka 1

Katanya, meskipun tiada maklumat berhubung peratus harga lebih rendah yang mampu diperolehi dari Brazil, pihaknya memberi jaminan ia lebih murah dari Thailand.

"Saya tidak boleh berikan maklumat ini kerana rundingan adalah antara syarikat pembekal dengan syarikat pengimport, tetapi difahamkan harganya lebih murah dari Thailand. Berapa peratus saya tidak pasti.

"Kita mempunyai pilihan untuk buka kepada negara lain termasuk Brazil dan Denmark, kalau kita boleh buka (kepada negara lain) dan mendapat kelulusan kerajaan, kita yakin boleh atasi isu ini (harga ayam di pasaran tempatan).

"Namun, kena lajak satu bulan (berbanding perancangan pada Disember) kerana mereka tidak boleh bawa masuk dalam tempoh terdekat kerana jarak.

"Ya, memang betul akan berlaku kelewatan tidak seperti yang dirancang sebelum ini," katanya kepada BH.

Pada 1 Disember tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri mengumumkan kerajaan akan mengimport ayam sejuk beku bagi menampung permintaan dan membolehkan rakyat mendapat bekalan pada harga lebih rendah, berbanding ayam segar tempatan kerana harga mendadak di pasaran sejak November tahun lalu.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengimport 200 hingga 300 kontena ayam sejuk beku seawal minggu kedua Disember lalu.

Susulan pengumuman itu, MAFI memberi kebenaran untuk mengimport ayam bulat sejuk beku dari Thailand dan China bagi tempoh tiga bulan bermula Disember lalu sehingga Februari ini.

Namun, sehingga kini belum ada bekalan ayam import dibawa masuk kerana isu harga dan bekalan di negara sumber.

Kebenaran kerajaan itu susulan harga di pasaran tempatan pada November lalu didapati meningkat sehingga RM9.50 ke

RM9.80 sekilogram, malah di se-sekitar kawasan mencecah lebih RM10 sekilogram, berbanding RM7 ke RM8 sekilogram sebelum itu.

Tinjauan BH semalam mendapati harga ayam di pasar tempatan masih tinggi, melebihi RM9 sekilogram.

Ketika ini, terdapat empat loji pemrosesan ayam di Brazil, satu di Denmark, manakala sembilan loji di Thailand dan dua di China yang mendapat pengiktirafan JPV.

Norlizan berkata, pihaknya dimaklumkan jika ayam bulat import dari Thailand dibawa masuk ke negara ini, harganya sama ada sama dengan harga bekalan ayam tempatan atau lebih tinggi.

Beliau berkata, ia menyebabkan syarikat pengimport tidak boleh membawa masuk lagi bekalan ayam berkenaan walaupun sudah diberi kelulusan.

Katanya, tujuan bekalan ayam mahu diimport dari Thailand bagi menjimatkan masa berikutan tempohnya yang tidak sampai seminggu dengan mengu-

nakan laluan darat.

"Bekalan dibawa melalui Bukit Kayu Hitam masuk ke Malaysia, tetapi isunya sekarang harga yang tinggi. Itulah harganya (sama atau lebih tinggi dengan ayam tempatan) sama ada kita ambil atau tidak, itu yang berlaku sekarang.

"Namun pengimport bukannya berhenti (mahu mengimport), namun memohon kepada kerajaan mempertimbangkan untuk mendapatkan bekalan, selain dari Thailand dan China," katanya.

Norlizan berkata, sehingga kini 32 syarikat diberi kelulusan untuk mengimport ayam bulat dari luar negara dengan sembilan daripadanya sudah memohon permit daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Katanya, beliau difahamkan sembilan syarikat itu sudah berurusan dengan pihak Thailand untuk membawa masuk ayam bulat ke Malaysia, namun prosesnya terganggu disebabkan isu harga.

"Melalui libat urus JPV dengan pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, kita ingin mengetahui apa masalah yang dihadapi syarikat ini sehingga tidak boleh masuk bekalan sehingga kini.

"Selain harga tinggi, mereka juga berdepan bekalan terhad dari loji yang kita luluskan di Thailand dan China menyebabkan mereka tidak sempat bawa masuk Disember lalu," katanya.

Beliau berkata, pihaknya difahamkan bekalan ayam bulat dari Brazil diperolehi pada harga lebih rendah daripada Thailand walaupun selepas mengambil kira kos logistik.

Namun katanya, syarikat pengimport memerlukan masa sehingga 30 hari untuk kontena dari Brazil tiba di Malaysia menggunakan kapal laut.

"Justeru, kita akan mempertimbangkan rayuan mereka. Bagaimanapun, keputusannya tertakluk kepada pertimbangan menteri (MAFI) dalam mesyuarat Kabinet berhubung negara yang kita luluskan, antaranya Brazil dan Denmark," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2022	BERNAMA	ONLINE	-

PERLIS BERPOTENSI PUSAT TERNAKAN LEMBU HIBRID

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR



ADAM ABDULLAH KWAN (kiri) memerhatikan Che Azman Che Norohoseni (kanan) menuangkan makanan kepada lembu ternakan hibrid di Kampung Semadong, Beseri, Perlis baru-baru ini.- UTUSAN/SYED AZLAN SAYID HIZAR

KANGAR: Perlis berpotensi besar berkembang sebagai pusat ternakan lembu hibrid terutamanya pengeluaran kacukan baka import dengan tempatan menerusi teknologi pernian beradas yang mampu meningkatkan pendapatan penternak.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr. Adam Abdullah Kwan berkata, antara yang mendorong ke arah kejayaan penternakan lembu hibrid di negeri ini adalah menerusi program pengukuhan sumber genetik yang dilaksanakan unit pembiakbakaan JPV negeri disokong beberapa faktor penting.

Katanya, program penghasilan kacukan baka seperti Charolais, Limousine, Piedmontese, Simmental dengan induk lembu baka tempatan Brahman atau Kedah-Kelantan itu disokong oleh infrastruktur jalinan jalan raya yang baik bagi menghubungkan ladang dengan pusat pelaksanaan teknologi pernian beradas di lapangan berkenaan.

“Amalan tradisi ternakan lembu secara fidlot juga menyumbang potensi penghasilan lembu hibrid kerana memudahkan pengurusan induk lembu sebelum dan selepas suntikan pernian beradas.

“Selain itu, penghasilan induk-induk lembu hibrid ini juga dilihat semakin stabil dan dapat menyesuaikan dengan persekitaran cuaca di negeri Perlis setelah dilaksanakan sejak tahun 2015,” katanya ketika ditemui di Kampung Santan, Mata Ayer baru-baru ini.

Sebagai rekod, sejak 2015 hingga 2020, sebanyak 1,500 ekor lembu hibrid dihasilkan.

Tambah Adam Abdullah, pada tahun lalu, sebanyak 400 ekor lembu hibrid dihasilkan dan pihaknya menasaskan 250 hingga 400 haiwan tersebut dapat dihasilkan pada tahun ini.

Selain itu, katanya, penghasilan daging lembu hibrid juga lebih banyak berbanding baka tempatan iaitu boleh mencapai sehingga 200 kilogram daging bagi seekor lembu pada umur satu hingga dua tahun.

Ujarnya, perkembangan tersebut sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import.

“Penternakan lembu hibrid memberi pulangan yang tinggi dengan harga jualan mencecah antara RM5,000 hingga RM10,000 seekor dalam tempoh enam bulan berbanding baka tempatan yang memberi pulangan antara RM3,000 hingga RM5,000 dalam tempoh satu atau dua tahun.

“Pada masa ini, terdapat kira-kira 300 penternak yang mendapatkan perkhidmatan teknologi pernian beradas dan JPV menasaskan 500 hingga 1,000 penternak menyertai program penternakan lembu hibrid di negeri ini.

“JPV negeri turut memberikan khidmat nasihat, bantuan teknologi pernian beradas, makanan tambahan serta beberapa kemudahan lain sekiranya penternak berdaftar dengan jabatan ini,” katanya.

Tambahnya, bagi meningkat kecekapan industri tersebut, JPV turut bercadang menghasilkan pusat penghasilan makanan dengan kerjasama beberapa pihak lain bagi mengurangkan penternakan di negeri ini.

Beliau turut menasaskan agar lebih ramai penternak menyertai Persatuan Penternak Haiwan Ruminan Perlis bagi memudahkan mendapat maklumat dan mengeratkan kerjasama antara jabatan dengan penternak.- UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

11 penyu mati dalam sebulan di Terengganu

KUALA TERENGGANU - Kes kematian penyu di Terengganu semakin membimbangkan berikutan penemuan terbaharu bangkai penyu spesies agar betina dewasa di Pantai Kelulut, Marang pada pagi Ahad iaitu kes kematian ke-11 direkodkan di Terengganu pada bulan ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri, Ruzaidi Mamat berkata, bangkai penyu itu ditemukan terdampar dalam keadaan sudah mula mereput dan ia mungkin telah mati tiga atau empat hari lepas dipercayai akibat tertelan plastik.

“Bangkai penyu berukuran panjang dan lebar kurang semeter itu telah ditanam di kawasan berhampiran ia ditemukan,” katanya pada Ahad.

Pada Sabtu, seekor penyu spesies

agar jantan dewasa ditemukan mati dalam keadaan terapung di perairan Pulau Kapas di Marang pada jam 11 pagi dipercayai akibat lemas setelah terperangkap dalam pukot nelayan.

Sementara itu, seorang penjawat awam, Syed Afif Hakimi Tengku Abdillah, 37, yang menemukan bangkai itu ketika sedang bersiar-siar di Pantai Kelulut berkata, dia sedih dengan kes kematian penyu yang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini.

“Penyu adalah ikon negeri Terengganu dan ramai pelancong datang ke negeri ini kerana mahu melihat sendiri haiwan prasejarah itu.

“Sekiranya kematian terus berlaku, apa lagi yang tinggal untuk dilihat generasi akan datang,” katanya. - *Bernama*



Kakitangan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu mengukur saiz bangkai penyu agar betina dewasa yang ditemukan terdampar di Pantai Kelulut pada Ahad.



KAKITANGAN Jabatan Perikanan Negeri Terengganu memeriksa bangkai penyu agar betina di Pantai Kelulut.

Penyu agar ditemui mati tertelan plastik

Marang: Seekor lagi penyu agar ditemukan mati terdampar di Pantai Kelulut di sini, semalam selepas penemuan reptilia spesies sama dalam keadaan terapung di perairan Pulau Kapas, kelmarin.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Ruzaidi Mamat berkata, orang awam menemukan bangkai penyu betina seberat 60 kilogram itu kira-kira jam 10.30 pagi.

Menurutnya, reptilia sepanjang hampir satu meter dengan lebar hampir 0.60 meter berusia antara 18 hingga 20 tahun itu dipercayai mati akibat tertelan plastik.

"Hasil pemeriksaan dijalankan kakitangan Cawangan Taman Laut, Pengurusan dan Perlindungan Sumber Negeri Terengganu menjumpai gumpalan plastik dalam mulut penyu itu.

"Tiada sebarang kecederaan yang jelas pada bangkai penyu itu dan berdasarkan keadaannya yang hampir reput dan berbau, kita percaya penyu itu sudah mati beberapa hari di laut sebelum bangkainya diha-

nyutkan ke pantai.

"Dengan kematian terbaharu ini, sebanyak 11 kes direkodkan dengan kejadian pertama pada 3 Januari lalu," katanya.

Ruzaidi berkata, pengunjung pantai dan nelayan dinasihatkan tidak membuang plastik kerana ia menjadi punca kematian penyu.

"Pembuangan plastik ke dalam laut akan membuatkan sampah itu timbul dan menyerupai obor-obor yang menjadi makanan penyu.

"Kita turut mengadakan kempen *Save Our Sea* bagi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak membuang sampah ke laut.

"Mereka perlu membawa sampah balik ke darat untuk dibuang atau dilupuskan di tempat yang sepatutnya demi memastikan kelestarian sumber marin," katanya.

Sebelum ini, seekor penyu agar betina seberat 50 kilogram ditemui di pantai sama disebabkan faktor sama pada 12 Januari lalu.

Untuk rekod, sebanyak 51 kes kematian membabitkan hidupan marin itu yang direkodkan di seluruh Terengganu sepanjang tahun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2022	THE SUN	NEWS WITH- OUT BORDERS	4

Green turtle carcass found on beach

KUALA TERENGGANU: An adult female green turtle carcass was found in Pantai Kelulut near Marang yesterday.

State Fisheries Department director Ruzaidi Mamat said the discovery of the carcass was worrying as it was the 11th turtle death recorded this month.

The turtle was found in a state of decomposition and may have died three or four days ago.

“The carcass, measuring about a metre in length was buried where it was found,” Ruzaidi said when contacted yesterday.

On Saturday, the carcass of an adult green turtle was found floating in the waters off Pulau Kapas in Marang at 11am. It is believed to have drowned after being trapped in a fishing net.

Meanwhile, civil servant Syed Afif Hakimi Tengku Abdillah, 37, who discovered the carcass while walking along Pantai Kelulut, said it was saddening to know that the number of turtle deaths has been on the rise lately. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2022	NEW STRAITS TIMES	NEWS IN BRIEF	10

10th dead green turtle off Pulau Kapas this month

KUALA TERENGGANU: The carcass of an adult male green turtle was found floating off Pulau Kapas near Marang at 11am on Saturday. Terengganu Fisheries Department director Ruzaidi Mamat said it was the 10th turtle death recorded since Jan 3. "The turtle, which is 80cm long and 69cm wide, died from drowning after it was trapped in a net and its carcass was buried in Pulau Kapas," he said when contacted by Bernama. He advised the public to call the Fisheries Communication Centre 24-hour hotline at 03-88885019 or 03-88704058 if they found a live or dead turtle stranded on the beach. **Bernama**



Kakitangan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu mengukur saiz bangkai penyu yang ditemui terdampar di Pantai Kelulut, Marang, semalam. (Foto BERNAMA)

Seekor lagi penyu agar ditemui mati di Pantai Kelulut

Bangkai haiwan hampir reput, berbau dipercayai tertelan plastik

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Marang: Tidak sampai 24 jam, seekor lagi penyu agar ditemui mati terdampar di Pantai Kelulut di sini semalam.

Sebelum ini, haiwan itu ditemui orang awam mati terapung di perairan Pulau Kapas kira-kira jam 11 pagi semalam.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat, berkata penyu betina seberat 60 kilogram dengan panjang hampir satu meter dengan leher hampir 0.60 meter ditemui orang awam kira-kira

jam 10.30 pagi.

Beliau berkata, penyu agar yang dipercayai berusia antara 18 hingga 20 tahun itu dipercayai mati akibat tertelan plastik.

"Hasil pemeriksaan dijalankan kakitangan Cawangan Taman Laut, Pengurusan dan Perlindungan Sumber Negeri Terengganu menjumpai gumpalan plastik dalam mulut penyu itu.

"Tiada sebarang kecederaan yang jelas pada pada bangkai penyu itu dan berdasarkan keadaannya yang hampir reput dan berbau, kita percaya penyu itu sudah mati beberapa hari di laut sebelum bangkainya dihanyutkan ke pantai.

"Dengan kematian terbaru ini, sebanyak 11 kes direkodkan dengan kejadian pertama pada 3 Januari lalu," katanya ketika dihubungi semalam.

Ruzaidi berkata, pengunjung pantai peranginan dan nelayan dinasihatkan supaya tidak mem-

buang plastik kerana ia menjadi punca utama kematian penyu.

"Pembuangan plastik ke dalam laut akan membuatkan sampah itu timbul dan menyerupai obor-obor yang menjadi makanan penyu.

"Kita turut mengadakan kempen 'Save Our Sea' bagi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak membuang sampah ke laut dan membawa sampah balik ke darat untuk di buang atau ditupuskan di tempat yang sepatutnya demi memastikan kelestarian sumber marin," katanya.

Sebelum ini, seekor penyu agar betina seberat 50 kilogram ditemui di pantai sama disebabkan faktor sama pada 12 Januari lalu.

Untuk rekod, sebanyak 51 kes kematian membabitkan hidupan marin itu yang direkodkan di seluruh Terengganu sepanjang tahun lalu.

Latest green turtle death brings toll to 11



Sad affair: (left) Terengganu State Fisheries Department staff burying the turtle carcass that was found at Kelulut Beach; (below) plastic was found lodged in the turtle carcass' mouth. — Bernama

KUALA TERENGGANU: Another carcass of an adult female green turtle has been found in Pantai Kelulut near Marang.

State Fisheries Department director Ruzaidi Mamat said the find in Terengganu was increasingly worrying as this was the 11th turtle death recorded this month alone.

The dead turtle was found in a state of decay and might have died three or four days ago, believed to be due to plastic ingestion.

"The carcass, measuring about a metre in length and width has been buried in the area where it was found," Ruzaidi told Bernama.

On Saturday, the carcass of an adult green turtle was found floating in the waters off Pulau Kapas in Marang at 11am, believed to have drowned after being trapped in a fisherman's net.

Syed Afif Hakimi Tengku Abdillah, 37, who found the carcass while walking along Pantai Kelulut, said it was saddening to know that



the number of turtle deaths has been on the rise lately.

"The turtle is an icon of Terengganu.

"Visitors come to this state

because they want to see for themselves these pre-historic reptiles. What is left for the young generation if the turtles become extinct?" said the civil servant.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2022	TRDI.MY	ONLINE	-

ANAK MUDA HASILKAN PES MAKANAN SENDIRI



HULU TERENGGANU, 23 Januari - Warung Santai D'River (WDSR) akhirnya berjaya mengeluarkan produk dengan jenamanya sendiri iaitu Pes Kari Kepala Ikan, Kari Ayam Daging dan Ikan Bakar.

Pemiliknya, Abdul Talib Mohamad, 38, berkata dengan pencapaian awal tersebut, hasratnya selama ini telah tertunai.

Katanya, kejayaan itu hasil bantuan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang menyediakan program untuknya.

"Bermula daripada sana saya dapat 'networking' dan tahu cara hendak mengeluarkan produk ini, sebelum ini saya tidak tahu dan fikir sangat, saya hanya menumpukan perniagaan saya di tapak sedia ada yang dimulakan pada tahun 2015.

"Fasa kedua nanti, saya menyasarkan untuk menembusi pasaran Asia Tenggara sebelum hujung tahun 2022, dan saya telah mendapat tawaran awal daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membawa produk saya ini ke Dubai, pada Februari ini.

"Untuk masa terdekat ini saya akan mengeluarkan 1,000 paket Pes dahulu untuk dijual di lima cawangan Pasar Raya Sabasun seluruh Terengganu dan dua cawangan WSDR iaitu di Kuala Terengganu dan Paka," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran produknya yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu, Mohd Iskandar Muhammad Aziz, di sini, semalam.



Abdul Mutalib berkata, beliau menggunakan modalnya sendiri sebanyak RM10,000 dalam menghasilkan produk tersebut dan idea itu datang setelah menerima maklum balas yang sangat baik dari pelangganya.

"Ramai yang mencadangkan supaya saya menghasilkan PES ini untuk mereka yang sukakan kari kepala ikan, sebelum ini saya sendiri tidak tahu bagaimana cara untuk menghasilkannya.

"Sehinggalah saya dicadangkan agar mengikuti kursus MARDI Terengganu pada tahun lepas dan terus berusaha merealisasikannya dalam tempoh tidak sampai dua bulan," katanya.

Berkongsi rahsia mengenai sambutan terhadap kedai makannya yang mendapat sambutan ramai, beliau berkata menu utama kari kepala kan dipelajari dengan ibunya sendiri.



"Ibu saya dahulu pernah berkerja sebagai tukang giling rempah kari di Singapura sebelum berkahwin dan berpindah ke Terengganu, dan saya sangat gemari masakan ibu saya, sehingga apa yang ibu saya masak, saya akan cuba pelajari.

"Alhamdulillah setelah saya perkenalkan kari ini kepada orang ramai, berkat usaha dan sokongan daripada keluarga, orang kampung serta orang ramai yang hadir perniagaan saya makin membesar hingga jualan dan menu utama berasaskan kari kepala Ikan ini semakin laris.



"Daripada ruang niaga yang kecil, sekarang sudah membesar bersaiz restoran, jika permulaanya hanya sekadar 10 meja sekarang mencecah 40 meja makan pelbagai saiz dengan staf semakin ramai berjumlah 30 orang, dahulunya hanya melibatkan empat orang adik beradik," ujar beliau.

Dalam pada itu katanya, bantuan daripada Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) juga banyak telah membantu dari segi promosi dan bimbingan perniagaan.

Exco pantau penerima bantuan pertanian

BACHOK: Bantuan yang diagih kepada usahawan tani sentiasa dipantau bagi memastikan hasrat kerajaan bagi melahirkan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara menjadi kenyataan.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, bantuan tersebut sebagai galakan daripada kerajaan negeri.

Katanya beliau akan melawat 45 Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk meli-

hat bantuan yang disalurkan mampu memberi manfaat kepada rakyat.

"Kita memberi galakan dengan sedikit bantuan supaya projek dapat diteruskan dan berjaya untuk memenuhi pasaran serta menampung keperluan rakyat.

"Saya akan turun semua DUN meninjau projek yang telah bagi, tengok perkembangannya," katanya ketika ditemui selepas meninjau perusahaan penternakan ikan hiasan di Kampung Lubuk Kuin, Je-

lawat pada Khamis.

Projek yang diusahakan Hamid Hamzah, 58 sejak 2018 itu, turut menerima bantuan dan sokongan kerajaan negeri melalui Adun Jelawat, Abdul Azziz Kadir.

Pada lawatan Tuan Saripudin turut meninjau lima lokasi perusahaan kecil-kecilan penduduk tempatan

yang menerima bantuan kerajaan negeri dalam sektor pertanian.

Selain penternakan ikan hiasa, beliau turut melawat bengkel pemprosesan makanan haiwan ruminan, pembuatan sabun, kolam penternakan ikan jelawat dan penyerahan baja padi organik.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Azziz Kadir melawat penternakan ikan hiasan di Kampung Lubuk Kuin, Jelawat.

NOTIS JUALAN SECARA LELONG AWAM Akta Pemegang Pajak-Gadai (81) 1972

Sandar-sandar yang tidak dibayar oleh Pemegang Pajak Gadai yang tersebut dibawah ini yang mana sandar-sandar itu telah dipanggil dalam tempoh seperti dibawah
Akan Dijual Dengan Lelong Umum

Tempat: HOTEL LOTUS NO 506, JALAN SEMABOK 76000 MELAKA
Tarikh: Hari 7th Feb 2022. Waktu: 10.00 pagi

MUKA: 1

NEGERI MELAKA

1. KEDAI PAJAK HENDI GOON SDN BHD 2006, JALAN ANAK, PUKAT MELAKA 77000 MELAKA	Feb 2021 - Mei 2021
2. PAJAK GADAI MALINI MAJU SDN BHD NO 82, JALAN BERSATU 2, TAMBUKULU JAYA, BANGI AJA, 75200 MELAKA	Mac 2021 - Mei 2021
3. PAJAK GADAI SEMABOK SDN BHD NO 9 JALAN PISA, PLAZA SEMABOK, 76000 MELAKA	Mac 2021 - Mei 2021
4. PAJAK GADAI JOO NOEN (M) SDN BHD DIN 14-1, AN PERNAMAAN, JELATANG 1, PUSAT PERAGAAN, JELATANG, 76000 ALOR GAHAR, MELAKA	Jan 2021 - Feb 2021
5. FAN NGIEN PAWNBHOP NO 177 JALAN JAWAI 76000 MELAKA	Dis 2020 - Feb 2021
6. PAJAK GADAI LIAN CHEONG SDN BHD NO 51 JALAN BERSEKUTU, 75100 MELAKA	Jan 2021 - Mei 2021
7. PAJAK GADAI LIAN LOY SDN BHD NO 513 JALAN CHAI FAN WEE, 75000 MELAKA	Mac 2021 - Mei 2021
8. PAJAK GADAI LIAN SHEN SDN BHD NO 517 PULAU SEBANG 75000 TAMPAK, MELAKA	Mac 2021 - Mei 2021
9. KAH NOEN PAWNBHOP SDN BHD NO 51 JALAN BERSEKUTU, 75100 MELAKA	Mac 2021 - Apr 2021

Senarai sandar-sandar tersebut boleh diperiksa dengan Pemegang Pajak Gadai berkenaan diatas pada 31th Jan 2021, pukul 10.00 pagi sehingga 13.00 petang sebelum tarikh jualan lelong itu. Hanya penawar yang layak dan lulus dengan pelitong sahaja boleh mencatatkan senarai sandar yang diminati. Barang sandar yang diminati boleh dilihat semasa hari lelong.

TSIEN FUN BENG
Pelelong Berlesen
(No. Tel: 016-3364768)

Rian Bertsch : 21/01/2021

Pesawah berhutang dengan broker lori, tauke kilang demi modal tanaman padi

Terpaksa pinjam duit, gadai emas

Oleh NORLIDA AKMAR (DROS),
ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN
dan MOHD RIFAAT ABD HAMID

ALOR SETAR – Setiap kali tiba musim menuai, pesawah di negara ini terus terkekan mencari jalan untuk mendapatkan modal bagi mengusahakan tanaman padi masing-masing.

Selain membuat pinjaman dengan bank, ada antara mereka turut berhutang dengan tauke mesin padi, broker lori atau pemilik kilang beras.

Malah ada antaranya yang terpaksa menggadai barang kemas selain membuat dua jenis pekerjaan bagi menampung perbelanjaan keluarga.

Rata-rata mereka terpaksa berbuat demikian berikutan kos input pertanian semakin tinggi dengan kenaikan harga beberapa barangan seperti racun yang meningkat sehingga 100 peratus.

Selain kerugian akibat bencana antaranya banjir, pesawah juga dibebani masalah kelewatan bekalan benih padi sah sehingga memaksa mereka membeli dari pada peniaga luar pada harga antara RM40 hingga RM60 bagi satu beg seberat 20 kilogram, melebihi harga kawalan RM35.

Seorang pesawah Khairul Azi, 48, berkata, dia terpaksa meminjam lebih RM5,000 daripada broker atau tauke mesin padi seba-

"Memang tidak bertanggung rasanya dengan kenaikan mendadak input pertanian sejak kebelakangan ini menyebabkan banyak kerja-kerja di sawah saya lakukan sendiri," ujarinya.

Sementara itu di **Fahang**, seorang pesawah, Halijah Dahlan, 63 memberitahu, sebelum ini dia terpaksa menggadai barang kemas miliknya untuk modal memuai padi.

Bagaimanapun katanya, bagi musim baharu ini dia hanya meminjam duit daripada anak-anak dan saudara mara.

Halijah mengusahakan kira-kira 4.9 hektar sawah di Skim Sawah Paya Sepayang di Rompin.

"Sebelum kenaikan harga racun, kos minimum diperlukan bagi 1.2 hektar sawah ialah RM4,500 tetapi dengan kenaikan kini kos meningkat kepada RM6,000," luahnya.

Dalam pada itu ujarinya, pada musim penanaman padi yang lalu dia mengalami kerugian apabila dia hanya mendapat hasil putu-putu tiga tan beg bagi 1.2 hektar tanah dengan nilai hasil kira-kira RM3,000.

Katanya, situasi itu ekoran masalah penyakit padi yang menyebabkan banyak buah padi menjadi kosong atau hampa serta masalah padi angin yang berterusan menyebabkan hasil yang kurang.



HALIJAH mengusahakan sawah padi seluas 4.9 hektar di Paya Sepayang, Rompin.

gai modal untuk mengusahakan 2.32 hektar sawah disewanya.

"Saya terpaksa, lebih-lebih lagi apabila hasil diperoleh selepas enam bulan. Kadang-kadang tidak pulang modal kerana padi rosak akibat serangan penyakit atau serangga perosak," katanya di sini baru-baru ini.

Luatnya, hutang akan diponampung perbelanjaan kelu-

tong daripada pendapatan yang diperolehi daripada hasil padi yang dituai dan sekiranya tidak mencukupi dia terpaksa meminjam lagi untuk perbelanjaan dan modal mengusahakan sawah bagi musim seterusnya.

"Situasinya lebih kurang gali lubang tutup lubang. Malah bagi menampung perbelanjaan kelu-

arga saya juga terpaksa membuat kerja-kerja lain," ujarinya.

Luahan yang sama disuarakan pesawah, Shafie Said, 66, yang mengusahakan 30 relung sawah di Telok Tui, Jerlun dekat sini apabila terpaksa melakukan sendiri sebahagian besar kerja-kerja di sawah bagi mengurangkan kos operasi.